

PM: TOLAK BERGANTUNG

'WAWASAN AKHIRAT' PADA PIHAK LAIN

Ⓢ
KUALA LUMPUR 3 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta masyarakat Islam menolak 'wawasan akhirat' yang membuat seseorang itu banyak bergantung kepada hasil usaha pihak lain untuk kebahagiaan hidup di dunia bagi membolehkannya menumpukan perhatian pada akhirat.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan dan masyarakat Islam di Malaysia tidak pernah mengeneipkan akhirat tetapi 'akhirat mestilah diimbangi kepentingan dunia.'

Menurutnya, kehidupan umat Islam dalam kehinaan di dunia tidak akan menjamin kebahagiaan di akhirat.

Teks penuh ucapan Mahathir lihat muka 6

"Matlamat kita ialah sebuah negara maju daripada segi ilmu, kecekapan dan kekayaan tanpa kehilangan moral dan pegangan kepada ajaran agama.

"Malangnya ada pihak yang menekankan wawasan akhirat," tegasnya ketika berucap melancarkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan perasmian Kongres Menjelang Abad 21 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau mengingatkan golongan yang kononnya 'pejuang' wawasan berkenaan menyedari hakikat bahawa mereka yang dapat menumpukan kepada akhirat banyak bergantung kepada kebahagiaan hidup di dunia ini hasil daripada usaha pihak lain.

Serentak dengan itu Perdana Menteri mengajak umat Islam menyatukan tenaga bagi mencari jalan untuk mengembalikan semula zaman kegemilangan Islam yang pernah dikecapi pada suatu masa dulu.

Dr. Mahathir berkata,

LIHAT MUKA 2

PM: TOLAK 'WAWASAN AKHIRAT' BERGANTUNG PADA PIHAK LAIN

usaha ke arah mengembalikan zaman kegemilangan Islam itu patut dianggap sebagai satu tanggungjawab yang mulia kerana kejayaan dalam mencapai matlamat tersebut akan dapat dinikmati oleh semua pihak.

Menurutnya, langkah pertama ke arah itu ialah menentukan matlamat yang mahu dicapai termasuk mengenalpasti pengertian kemajuan dan kegemilangan tersebut.

Untuk tujuan itu, kata beliau, tafsiran-tafsiran berbeza mengenai Islam sehingga mengelirukan dan melemahkan umat Islam perlu dikaji dengan teliti dan diperbetulkan.

"Hanya dengan kajian yang jujur dan tindakan berilmiah berpandukan kenyataan barulah sesuatu dapat dibuat untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam," kata beliau.

Beliau berkata, setiap orang Islam tentu berminat untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam tetapi masalahnya ialah bagaimana matlamat tersebut dapat dijayakan.

Jelas Perdana Menteri, kejayaan tidak akan datang dengan sendiri malah besar kemungkinan umat Islam akan tertinggal lebih jauh kebelakang jika usaha-usaha ini tidak dilakukan.

Tambahnya, pengertian kemajuan dan kegemilangan penting supaya kemajuan daripada segi intelek dan fizikal tidak diiringi dengan keruntuhan moral dan akhlak yang ketara.

Beliau menegaskan, usaha ke arah mengembalikan zaman kegemilangan ini patut dianggap sebagai satu tanggungjawab yang mulia malah kejayaan ke arah matlamat itu boleh dianggap sebagai ganjaran dan balasan.

Katanya, jika dalam proses ini, diri sendiri mendapat sesuatu, ia adalah kebetulan saja dan bukan matlamat kerana apabila negara Islam maju semua pihak akan mendapat nikmat.

Antara syor yang diberikan oleh Perdana Menteri bagi mencapai matlamat tersebut ialah:-

* Kajian yang terperinci terhadap ilmu pemerintahan agar negara Islam mendapat pemerintahan yang adil dan kemas.

* Menjalpasti imbalan yang sesuai antara kepentingan dunia dan akhirat bagi dijadikan pedoman setiap orang Islam.

* Kajian mengenai agama Islam, sejarah dan tamadun Islam hendaklah dibuat dengan ikhlas tanpa dipengaruhi oleh sentimen dan prasangka.

* Mengimbangi negara-negara maju daripada segi penguasaan pelbagai ilmu iaitu kecekapan dalam sains dan teknologi, ciptaan, perubatan, pentadbiran, sosial, ekonomi, politik dan lain-lain bidang yang boleh menjadikan negara Islam kukuh serta mampu menangkis segala ancaman.

Menurut Dr. Mahathir, pandangan serong terhadap Islam khususnya oleh orang bukan Islam adalah sesuatu yang mengecewakan walaupun pada hakikatnya negara-negara Islam memang ketinggalan, lemah dan bergantung kepada negara asing.

"Penghormatan orang bukan Islam terhadap agama Islam adalah penting kerana ia akan menjamin penindasan tidak akan berlaku kepada umat Islam.

"Orang Islam pula tidak akan mudah kecewa dan tidak akan mudah dapat dipisahkan daripada agama mereka," tambahnya.

Beliau berkata, mereka yang waras tentu yakin bahawa bukanlah sesuatu yang mustahil untuk mengembalikan kegemilangan Islam walaupun jalannya tidak mudah.

Mengenai Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), katanya, beliau berharap IKIM dapat memainkan peranan yang penting ke arah mencapai matlamat kegemilangan Islam itu.